

KPKT akan ambil alih pengurusan PPR Serendah

SERENDAH - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bakal mengambil alih pengurusan Projek Perumahan Rakyat (PPR) iaitu Pangsapuri Seri Kiambang, Taman Tasik Teratai, di sini yang didakwa gagal diuruskan kerajaan negeri Selangor.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, pihaknya akan membawa perkara tersebut kepada kementerian untuk dibincangkan secara terperinci bagi memuktamadkan keputusan untuk ambil alih.

Beliau berkata, tindakan tersebut perlu dibuat segera selepas melihat sendiri masalah-masalah yang timbul di PPR terbabit yang siap pembinaanya pada 2003 melibatkan kos sebanyak RM12.6 juta.

"Di sini terdapat 300 unit rumah tapi masih ada 170 unit yang kosong dan tidak disewakan...sedangkan kita dimaklumkan ramai kalangan orang di sini yang berpendapatan bawah RM3,000 sangat perlukan rumah.

"Lebih mengecewakan, kadar sewa yang kita letak-



Foto: SHARIFUDDIN ABDUL RAHIM

Penduduk Pangsapuri Seri Kiambang, Serendah menuntut kerajaan negeri menyerahkan pengurusan PPR itu kepada KPKT.

kan RM124 sebulan dahulu telah dinaikkan oleh pihak kerajaan negeri. Penduduk lama masih dikekalkan kadar sewa tapi bagi penduduk baru mereka perlu membayar sebanyak RM200 sebulan," katanya ketika sesi lawatan ke pangsapuri terbabit, semalam.

Menurutnya, kerajaan negeri juga menuntut sebanyak RM708,000 dari kerajaan pusat kerana mendakwa mengeluarkan perbelanjaan untuk mengecat, membaik-

pulih bumbung 10 unit rumah di sini dan banyak lagi.

"Sudahlah mereka abaikan aspek pengurusan, naikkan sewa dan ambil sewa tersebut tanpa beri satu sen kepada kerajaan, kini nak kita bayar pula pada mereka.

"Terbukti mereka ini, bukan saja gagal urus kerajaan negeri tapi gagal urus PPR. Lebih baik serahkan saja kepada KPKT, kita uruskan, baiki kerosakan dan selepas ini penduduk di sini tak perlu sewa rumah tapi rumah

tersebut akan jadi milik mereka," katanya.

Noh berkata, peruntukan untuk baik pulih semua unit yang kosong dianggarkan kira-kira RM1 juta dan rumah itu akan dijual pada harga RM35,000 kepada penduduk.

"Jadi bila kita ambil alih, bayaran setiap bulan dikenakan kepada penduduk itu akan dianggap sebagai bayaran ansuran dan rumah tersebut akan jadi milik mereka," katanya.